

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar Kerajaan untuk kurangkan kadar ketidaksamaan pendapatan (*income inequality*) yang sedang meningkat. Adakah fenomena “inequality” akan menjadi lebih buruk dengan pelaksanaan GST.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Malaysia sememangnya menumpukan kepada pertumbuhan dengan pengagihan serta pembangunan inklusif. Dasar yang diamalkan ini telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan yang ditunjukkan melalui pengurangan pekali Gini daripada 0.443 pada tahun 1999 kepada 0.441 pada tahun 2009 dan seterusnya 0.431 pada tahun 2012. Indeks pekali Gini menggunakan indikator perbelanjaan pula ialah 0.337. Nilai ini adalah lebih rendah berbanding Indonesia, 0.381 (tahun 2011), Thailand, 0.394 (tahun 2010) dan Filipina, 0.430 (tahun 2009). Ini menunjukkan tingkat ketidakseimbangan pendapatan di Malaysia adalah lebih baik berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini dan bukan sepertimana didakwa oleh YB Klang .

Antara pelan tindakan yang telah dirangka oleh Kerajaan bagi menangani ketidakseimbangan pendapatan rakyat termasuk:

- i. langkah merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;

- ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak;
- iii. pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti;
- iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;
- v. program-program latihan bagi golongan khusus yang masih ketinggalan dalam pembangunan negara seperti masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak; dan
- vi. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Tuan Yang di-Pertua,

Tujuan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) diperkenalkan adalah untuk menjadikan sistem percukaian negara lebih berkesan, cekap, telus, mesra pelanggan dan mampu menjana pendapatan yang lebih stabil. Bagi mengurangkan beban rakyat, model GST di Malaysia telah mengambil kira beberapa barangan dan perkhidmatan yang penting

kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana supaya tidak tertakluk kepada kenaaan GST (*zero-rated*) atau dikecualikan dari kenaaan GST (*exempted*). Maka, hal ini sepatutnya tidak memburukkan keadaan kerana GST dikenakan ke atas penggunaan (*consumption*) barangan dan perkhidmatan. In bermakna mereka yang mempunyai kuasa beli yang lebih dan mampu berbelanja akan dikenakan cukai apabila berbelanja. Perbelanjaan golongan berpendapatan rendah ke atas barangan tertentu seperti beras, tepung, gula, minyak masak, perkhidmatan pendidikan, kesihatan serta pengangkutan termasuk teksi, transit aliran ringan (LRT) dan bot tidak dicukaikan. Oleh itu, dakwaan bahawa fenomena *inequality* akan menjadi lebih buruk dengan pelaksanaan GST adalah tidak tepat.

Sekian. Terima kasih.